



**MINIT MESYUARAT KALI KE-66 MAJLIS BERSAMA JABATAN
YANG DIADAKAN PADA HARI RABU 30 JUN 2021, JAM 2.30 PETANG
WEBEX LIVE**

Kehadiran : Pengerusi

YBrs. Profesor Dr. Faisal Rafiq bin Mahamd Adikan
Naib Canselor

Ahli Wakil Majikan

YBrs. Profesor Dr. Shaiful Bahari bin Ismail
Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan

YBrs. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBrs. Dr. Musa bin Ali
Pendaftar

Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Ahli Wakil Pekerja

Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Mohamed Azlan Bin Ashaari
Encik Abdul Mu'izz Bin Abd Aziz
Profesor Madya Dr. Mohamad Rashidi Bin Mohd Pakri
Dr. Lee Hooi Ling
Dr. Mohd Zahri bin Abdul Aziz
Puan Ida Haryati binti Ibrahim Bey

Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM

Encik Ahmad Rizwan bin Zulkharnain (Presiden)
Encik Mohd Zulkifly bin Ibrahim
Encik Syaarani Amri Bin Muhamad
Puan Azliza Binti Ahmad
Encik Mohd Shukur bin Abidin
Puan Hasnah binti Hassan
Encik Nik Fakurudin bin Nik Ali

Setiausaha Bersama

Encik Mohd Zulkarnain bin Mohamad Tajulariffin
Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin bin Ahmad
Setiausaha
Kesatuan Kakitangan Am

Turut Hadir

YBr. Profesor Dr. Md Roslan Bin Hashim
Timbalan Naib Canselor
Kelestarian dan Pembangunan Institusi

Encik Mohd Rashid B. Abdul Rejab
Timbalan Pendaftar
Pejabat Naib Canselor

Puan Zanita binti Zakaria
Pegawai Kewangan W54
Jabatan Bendahari

Puan Norazreen Binti Razak
Ketua Penolong Pendaftar
Jabatan Pendaftar

Ts. Dr. Hazrieffendy Bin Bakri
Pegawai Kewangan W44
Jabatan Bendahari

Tidak Hadir:

YBhg. Profesor Dato' Dr. Narimah binti Samat
Timbalan Naib Canselor
Akademik & Antarabangsa

Profesor Dato' Dr. Ahmad Sukari Bin Halim
Pengarah Hospital
Hospital Universiti Sains Malaysia

YBr. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi
Penasihat Undang-Undang

YBr. Encik Kamarul Ariffin Bin Ngah
Bendahari

Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan bin Ahmad Farouk
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Profesor Madya Dr. Norazharuddin Shah Bin Abdullah
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

MINIT 1 Aluan Pengerusi

1.1 Aluan kedatangan dan ucapan terima kasih kepada ahli.

Pengerusi mengalu-alukan kedatangan dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir secara dalam talian. Mendoakan kesejahteraan dan kesihatan kepada ahli serta sentiasa dilindungi dari wabak pandemik COVID-19.

Pengerusi juga mengucapkan terima kasih di atas inisiatif Pendaftar mengadakan Pra-Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan bersama PKAPUSM pada 16 Jun 2021 dan Pra Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan bersama KKAUSM pada 22 Jun 2021.

Pengerusi memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa ini merupakan mesyuarat MBJ yang kedua bagi tahun 2021. Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan

USM akan terus diadakan sebanyak empat (4) kali bagi tahun 2021 seperti yang telah dipersetujui bersama pada Mesyuarat kali ke-65 MBJ yang lalu.

MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat ke-65 Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada hari Khamis, 15 April 2021, jam 2.30 petang bertempat di Bilik Persidangan Canselori (CCR), Aras 6, Bangunan Canselori, Universiti Sains Malaysia dan Webex Live.

MINIT 3 Perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Ke-65

3.1 [Minit 3.1] Cadangan Insurans Personal Accident (PA)

Pihak Bendahari membentangkan kronologi kemajuan Insurans *Personal Accident (PA)* kepada ahli mesyuarat. Kronologi kemajuan bagi perkara ini adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Perkara
1.	22/12/2020	Wakil Bendahari membentangkan cadangan penawaran insurans jenis <i>Personal Accident (PA)</i> untuk staf yang mencarum dalam Tabung Kebajikan Staf pada Mesyuarat kali ke-64 MBJ.
2.	15/3/2021	Perbincangan susulan kepada Pelan Insurans Kemalangan telah dibuat antara wakil Jabatan Bendahari, wakil Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dan juga wakil Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM).
3.	26/4/2021	Mengedarkan surat lantikan ahli Jawatankuasa Spesifikasi Perolehan Insurans Kemalangan bertarikh 23 April 2021 kepada Pengerusi, 2 ahli dan juga Setiausaha. Jawatankuasa adalah dilantik sehingga selesai keseluruhan proses perolehan insurans kemalangan yang tersebut.
4.	10/5/2021	Mesyuarat Jawatankuasa Spesifikasi Insurans Kemalangan telah diadakan buat kali pertama. Jawatankuasa telah melihat spesifikasi <i>Personal Accident (PA) Insurance</i> yang dirancang bagi 3 tahun bermula 2022 sehingga 2024. Beberapa pindaan telah dicadangkan oleh Jawatankuasa kepada spesifikasi yang asal. Turut dibincangkan adalah pertimbangan agar cadangan penambahan dibuat dengan turut memperkenalkan <i>Group Term Life (GTL)</i> .
5.	17/5/2021	Cadangan tambahan polisi insurans hayat berkelompok (<i>Group Term Life – GTL</i>) telah dikemukakan kepada Naib Canselor untuk pertimbangan/kelulusan.
6.	2/6/2021	Satu sesi briefing kepada Bendahari telah dibuat berkenaan perkembangan semasa <i>Personal Accident (PA) Insurance</i> serta lain-lain hal yang berkaitan. Telah dipersetujui bahawa sebarang cadangan berkaitan insurans yang dibincangkan perlu dibawa ke Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) untuk pertimbangan dan kelulusan. Tumpuan utama adalah kepada pelaksanaan <i>Personal Accident (PA) Insurance</i> dan diikuti oleh <i>Group Term life (GTL)</i> .

Pihak Jabatan Bendahari memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pihak konsultan insurans akan memberikan maklumbalas berdasarkan kaji selidik yang telah dijalankan mengenai *Group Term Life (GTL)* kepada pihak Jabatan

Bendahari pada minggu ini. Maklumbalas tersebut akan dipertimbangkan di pihak universiti sama ada diterima penggunaannya atau tidak.

Maklumbalas dan Tindakan:

Pengerusi mengambil perhatian serius berkenaan inisiatif ini dan memohon Jabatan Bendahari memastikan proses yang dijalankan mengikut garis masa seperti yang dirancang. Pengerusi memohon pihak Jabatan Bendahari menyemak sekiranya perkara yang melibatkan kelulusan perolehan tersebut dibawa ke Mesyuarat Lembaga Perolehan pada bulan Julai 2021 atau mana-mana mesyuarat yang terdekat.

[Tindakan: Jabatan Bendahari]

MINIT 4 Perkara Daripada Pihak Majikan

4.1 Inisiatif Penyaluran Bantuan Kepada Staf B40

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak universiti telah melaksanakan pelbagai inisiatif / aktiviti secara berterusan bagi tujuan menyalurkan bantuan kepada staf B40 semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negara ini. Pihak universiti juga amat berbesar hati sekiranya pihak pekerja (PKAPUSM dan KKAUSM) dapat turut bersama-sama menyumbang dalam usaha membantu golongan miskin bandar.

Disamping itu, Pengerusi turut memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pelbagai pendekatan secara terbuka telah dilaksanakan oleh pihak universiti dalam memastikan keputusan yang dibuat dapat memberi impak yang positif kepada seluruh warga.

Maklumbalas:

Presiden KKAUSM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pihak KKAUSM tidak ketinggalan dalam mengambil peduli terhadap kesusahan warga staf khususnya ahli kesatuan yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 pada masa ini. Mesyuarat dimaklumkan bahawa, pihak KKAUSM telah membuat pengagihan bantuan dalam bentuk pek makanan/keperluan asas melalui Program KKA Prihatin kepada golongan staf yang terjejas dalam tempoh PKP.

Bahagian Sumber Manusia juga amat berbesar hati menjemput pihak KKAUSM untuk dapat bersama-sama pihak universiti membantu dalam inisiatif mengedarkan bantuan *tablet* dan susu kepada staf yang terlibat.

[Untuk Makluman]

MINIT 5 : Perkara Daripada Pihak Pekerja

5.1 Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)

Setiausaha PKAPUSM mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi kerana diberi peluang untuk pihak PKAPUSM mengemukakan beberapa agenda/usul untuk perbincangan mesyuarat. Mesyuarat dimaklumkan bahawa, Presiden dan Timbalan Presiden tidak dapat hadir pada mesyuarat pada kali ini atas urusan tugas lain yang perlu diberi keutamaan.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa, terdapat beberapa perkara yang dibangkitkan melalui Mesyuarat Exco PKAPUSM yang telah dibincangkan melalui Pra Mesyuarat MBJ bersama Pendaftar. Sehubungan dengan itu, perkara yang dibawa ke mesyuarat ini adalah untuk memohon pencerahan dan penjelasan lanjut.

5.1.1 Sistem Kehadiran Kerja Fleksi (SKKF)

Pihak PKAPUSM telah merujuk kepada persetujuan Mesyuarat kali ke-64 Majlis Bersama Jabatan yang menyatakan bahawa penggunaan SKKF hanya diwajibkan kepada staf akademik yang mempunyai prestasi yang rendah dan kurang memuaskan (berdasarkan penilaian Pusat Pengajian). Walau bagaimanapun, pihak PKAPUSM mendapati, pihak universiti telah mengeluarkan beberapa hebahan terkini yang menyatakan tentang kewajipan staf untuk merekod kehadiran yang terpakai kepada semua staf.

Mesyuarat dimaklumkan oleh pihak PKAPUSM bahawa sebahagian besar golongan staf akademik mempunyai tugas yang dilaksanakan sepanjang hari. Hal ini menyukarkan pengukuran masa bekerja di SKKF.

Dalam hal ini, pihak PKAPUSM ingin memohon penerangan lanjut berkenaan pelaksanaan penggunaan Sistem Kehadiran Kerja Fleksi (SKKF) kepada staf akademik sama ada ianya akan digunapakai secara berterusan atau hanya untuk tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sahaja.

Maklumbalas:

Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa dengan penggunaan SKKF ini kepada warga staf (akademik dan bukan akademik) telah memberi impak yang baik kepada universiti terutamanya dalam meningkatkan integriti dalam kalangan staf. Sistem SKKF ini juga telah melalui beberapa proses penambahbaikan yang lebih praktikal untuk memudahkan penggunaannya dalam kalangan staf seperti ianya dapat diakses melalui telefon pintar atau aplikasi Passport USM.

Pengarah Kampus Kejuruteraan memaklumkan kepada mesyuarat bahawa nilai integriti staf amat penting bagi memastikan universiti terus cemerlang. Penggunaan SKKF ini merupakan satu kaedah merekod kehadiran yang paling mudah dan seharusnya diberi sokongan penuh oleh setiap warga staf.

Pengarah Kampus Kesihatan turut memaklumkan kepada mesyuarat bahawa, USM merupakan universiti awam yang melaksanakan pendekatan yang paling fleksibel dalam urusan merekod kehadiran warga stafnya. Malah, penggunaan SKKF telah banyak membantu Ketua Jabatan untuk memahami dan mengetahui gerak kerja warga staf dibawah seliaan mereka.

Pengerusi bersetuju bahawa penggunaan Sistem Kehadiran Kerja Fleksi (SKKF) ini digunapakai secara menyeluruh untuk staf akademik dan penggunaannya bukan untuk tempoh PKP sahaja malah akan digunapakai secara berterusan. Pengerusi juga mencadangkan sekiranya terdapat dalam kalangan staf akademik yang tidak bersetuju menggunakan SKKF untuk mengusul ketidakpuasan hati mereka secara peribadi terus kepada Naib Canselor.

Pengerusi turut memohon pihak kesatuan selaku wakil perkeja untuk dapat bersama-sama universiti dalam menyampaikan maklumat dengan jelas berkenaan usaha-usaha serta inisiatif untuk menaik taraf urus tadbir universiti kepada ahli serta warga staf.

[Untuk Makluman]

5.1.2 Penahanan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Staf Akademik

Pihak PKAPUSM ingin memohon penjelasan berhubung tindakan penahanan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kepada staf akademik yang sepatutnya berasaskan kepada Laporan Penilaian Prestasi (LPP).

Wakil PKAPUSM membangkitkan berkeenaan beberapa arahan dalaman di peringkat PTJ yang telah mewujudkan pertindihan arahan pentadbiran seperti penulisan laporan berkala harian, mingguan dan sukuan yang sedikit sebanyak telah menyebabkan terdapat staf akademik merasakan universiti tidak memberi kepercayaan sepenuhnya kepada mereka.

Maklumbalas:

Pengerusi memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa penahanan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Staf Akademik di USM tidak berlandaskan kepada LPP sebaliknya adalah berdasarkan kepada prestasi staf akademik dalam membuat penerbitan.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada peringkat permulaan ini, dasar penahanan KGT ini dilaksanakan adalah apabila tiada penyelidikan yang diterbitkan oleh pensyarah dalam tempoh 4 hingga 5 tahun. Kepentingan menerbitkan penyelidikan ini bukanlah perkara baharu kepada warga akademik di universiti malah ianya telah pun ditekankan beberapa tahun dahulu khususnya sejak universiti diberikan status sebagai Universiti Penyelidikan.

Pengerusi turut menyatakan bahawa, sebagai ahli akademik, penerbitan merupakan elemen yang sangat penting yang dapat disumbangkan kepada universiti untuk mengekalkan status universiti yang secara langsung memberi kesan terutamanya kepada Audit MyRA.

Mesyuarat turut mengambil perhatian bahawa, tindakan penahanan KGT ini dibuat hanya kepada jumlah staf akademik yang terlalu kecil setelah pelbagai pengecualian, fleksibiliti dan peluang diberikan kepada staf akademik. Pihak Lembaga Gabenor Universiti (LGU) turut memutuskan agar tindakan diambil kepada mereka yang gagal mencapai tahap minima yang ditetapkan oleh universiti.

Berkeenaan dengan laporan berkala yang diarahkan oleh pihak PTJ secara dalaman, Pengerusi ambil perhatian dan akan menyemak keperluan tersebut dengan pihak PTJ yang berkaitan.

Pihak universiti memohon perhatian mesyuarat agar dapat bersama-sama mendukung usaha ini dalam memastikan matlamat serta kecemerlangan universiti dapat ditingkatkan.

[Untuk Makluman]

5.1.3 Pelan Perancangan Vaksinasi

Pihak PKAPUSM ingin memohon penerangan lanjut berhubung Pelan Perancangan Vaksinasi kepada warga staf dan pelajar di Universiti Sains Malaysia.

Maklumbalas:

Timbalan Naib Canselor, Kelestarian dan Pembangunan Institusi selaku Pengerusi Pelan Perancangan Vaksinasi USM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa USM telah melaksanakan pemberian vaksinasi di

Kampus Induk dan Sains@Bertam. Universiti juga sedang memasuki fasa ke 2 iaitu penerima vaksin adalah daripada golongan berumur 60 tahun ke atas atau komorbid (golongan yang mempunyai penyakit kronik).

Pihak universiti telah mengadakan perbincangan bersama Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) berkenaan cadangan penambahan jumlah penerima vaksin dalam kalangan warga staf dan pelajar.

Sebagai makluman ahli mesyuarat, apabila bilangan ketidakhadiran penerima vaksin orang awam yang melibatkan MySejahtera adalah sebanyak 10% daripada 400 dos suntikan yang diperuntukkan pada hari tersebut, maka pihak PPV akan menggunakan senarai nama daripada pihak Bahagian Sumber Manusia mengikut kategori bagi memenuhi slot vaksinasi tersebut.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa terdapat permasalahan dihadapi oleh pihak universiti iaitu mengenai maklumat staf yang tidak dikemaskini dalam *Campus Online* seperti alamat dan nombor telefon. Oleh yang demikian, pihak PPV telah berkomunikasi dengan pihak BSM untuk mengenalpasti serta memaklumkan kepada staf untuk memastikan maklumat peribadi sentiasa dikemaskini.

Mesyuarat turut dimaklumkan berkenaan jumlah staf terkini yang telah divaksin di PPV Kampus Induk dan PPV Sains@Bertam bermula dari 18 Jun 2021 sehingga 28 Jun 2021 seperti berikut:

Kampus Induk	Awam	2253
	Staf	395
	Pelajar	39
	Jumlah	2687
Sains@Bertam	Awam	1263
	Staf	102
	Pelajar	29
	Jumlah	1354

Mesyuarat turut dimaklumkan oleh wakil Jabatan Pendaftar berkenaan ringkasan statistik maklumbalas staf berkenaan status vaksinasi melalui kaji selidik yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftar kepada warga staf pada 22 Jun 2021 yang lalu seperti berikut:

Status	Peratusan
Telah terima vaksin	26%
Akan terima vaksin (telah terima tarikh temu janji)	12%
Belum divaksin (belum terima tarikh temu janji)	58%
Tidak mendaftar untuk vaksinasi	4%

Wakil PKAPUSM merakamkan ribuan terima kasih kepada pasukan PPV USM khususnya atas usaha yang telah dijalankan bagi membuka peluang kepada staf menerima suntikan vaksin dengan mudah dan segera di USM.

[Untuk Makluman]

5.2 Perkara Daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

5.2.1 Bantuan Khas Internet RM50

Lanjutan kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah merubah cara kerja warga staf dan pengoperasian pejabat kepada penggunaan komunikasi secara maya atau dalam talian di tahap yang maksimum, maka pihak KKAUSM mencadangkan kepada pihak universiti untuk mempertimbangkan pemberian Bantuan Khas Internet sebanyak RM50 secara *one-off* dalam tempoh 3 bulan khususnya kepada staf pelaksana sebagai usaha menyokong keperluan tugas.

Maklumbalas dan Tindakan:

Pengerusi mengambil perhatian dan memaklumkan kepada mesyuarat bahawa cadangan ini akan dibincangkan bersama pihak Jabatan Bendahari dan Bahagian Sumber Manusia dengan lebih terperinci mengenai implikasi kewangan dan *nature of job* setiap jawatan yang memerlukan penggunaan internet.

[Tindakan: Jabatan Bendahari & Bahagian Sumber Manusia]

5.2.2 Penambahbaikan Fungsi SKKF di Aplikasi Passport USM

Pihak KKAUSM merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Pendaftar atas pembangunan sistem SKKF yang telah menyediakan kemudahan kepada staf dan penyelia untuk merekod serta memantau kehadiran staf PTJ pada setiap hari. Sebagai tambah baik kepada sistem sedia ada, pihak KKAUSM ingin mencadangkan kepada universiti untuk menaik taraf fungsi SKKF di aplikasi Passport USM yang membolehkan penyelia membuat pengesahan tugas harian dengan lebih mudah melalui aplikasi *mobile*.

Wakil PKAPUSM turut memohon supaya SKKF ini dapat dinaik taraf bagi memenuhi keperluan merekod kehadiran bagi staf yang terlibat dengan waktu bekerja shif.

Maklumbalas dan Tindakan:

Pendaftar mengambil perhatian berkenaan cadangan fungsi baharu yang dinyatakan dan bersetuju cadangan tersebut dipanjangkan dan diteliti oleh pasukan pembangun sistem SKKF di Jabatan Pendaftar dan Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT).

Pengerusi turut memaklumkan kepada mesyuarat bahawa universiti telah menempatkan Tuan Haji Yusuff bin Abdullah, Ketua Timbalan Pendaftar Kanan di Pejabat USM Digital bagi tujuan untuk melihat dan menyelaras semua sistem-sistem yang menyokong urusan pentadbiran universiti supaya ianya berintegrasi dan memudahkan pengguna secara keseluruhannya.

[Tindakan: Jabatan Pendaftar]

MINIT 6 : Hal-hal Lain

6.1 Isu Kemajuan Kerjaya di Kampus Kesihatan

Wakil dari PKAPUSM dari Kampus Kesihatan membentangkan kepada mesyuarat berkenaan isu kemajuan kerjaya yang melibatkan staf pentadbiran di Kampus Kesihatan khususnya Skim Perkhidmatan N, C, W, J, F dan U. Mesyuarat dimaklumkan bahawa kenaikan pangkat staf di Kampus Kesihatan termasuk Hospital USM mengambil masa yang agak lama berbanding tempoh kenaikan pangkat staf di kampus-kampus lain.

Pihak PKAPUSM mengharapkan supaya pihak universiti dapat melihat semula perkara ini kerana ianya sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan tahap *happiness index* staf.

Pihak PKAPUSM turut memohon pihak universiti untuk berkongsi statistik permohonan dan tawaran kenaikan pangkat bagi tempoh 10 tahun bagi semua skim perkhidmatan.

Maklumbalas dan Tindakan:

Mesyuarat mengambil maklum perkara yang dibangkitkan. Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa prinsip kenaikan pangkat adalah melihat kepada faktor prestasi dan kecemerlangan seseorang staf, dan bukanlah berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan semata-mata. Sesi penilaian yang dilakukan oleh pihak universiti juga telah mengambil kira beberapa faktor lain yang membolehkan seseorang staf itu dinaikkan pangkat termasuk faktor persetujuan penempatan yang turut melibatkan pertukaran kampus.

Pengerusi mengambil maklum berkenaan perkara yang dibangkitkan dan memohon pihak PKAPUSM mengemukakan statistik bilangan permohonan dan isu tawaran kenaikan pangkat di kampus kesihatan kepada Pengerusi untuk diteliti.

Pengerusi memohon pihak Bahagian Sumber Manusia untuk membentangkan statistik taburan kenaikan pangkat mengikut kampus pada mesyuarat yang akan datang.

[Tindakan: Bahagian Sumber Manusia]

6.2 Inisiatif Membantu Warga Staf Dalam Tempoh PKP – Perkhidmatan Kaunseling dan Cadangan Moratorium Pinjaman Komputer dan Pinjaman Kenderaan

Pihak KKAUSM mengucapkan ribuan terima kasih kepada universiti atas inisiatif memperkenalkan perkhidmatan kaunseling kepada warga staf dan pelajar sepanjang tempoh pelaksanaan PKP.

Lanjutan kepada pengumuman kerajaan berkenaan pemberian moratorium atau penangguhan bayaran balik kepada peminjam individu susulan kepada pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN), pihak KKAUSM ingin memanjangkan permohonan kepada universiti untuk mempertimbangkan pemberian moratorium kepada warga staf yang mempunyai pinjaman pembiayaan komputer dan pinjaman kenderaan.

Maklumbalas dan Keputusan:

Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa universiti meletakkan kepentingan utama dalam memastikan kesihatan dan keselamatan warga. Perkhidmatan kaunseling merupakan salah satu usaha yang diberi keutamaan bukan sahaja kepada pelajar malah turut dipanjangkan kepada warga staf sebagai suatu usaha menyokong keperluan kesihatan mental kepada staf dalam menempuhi tempoh sukar sepanjang kita menangani isu pandemik ini.

Pengerusi turut bersetuju dan tidak mempunyai halangan untuk mempertimbangkan pemberian moratorium kepada warga staf yang mempunyai pinjaman dengan universiti. Mesyuarat bersetuju pelaksanaan pemberian moratorium ini diteliti selanjutnya oleh pihak Jabatan Bendahari.

[Tindakan: Jabatan Bendahari]

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh:

**MOHD ZULKARNAIN BIN
MOHAMAD TAJULARIFFIN**
Setiausaha Bersama MBJ USM

Disediakan oleh:

AMIN BIN AHMAD
Setiausaha Bersama MBJ USM
Wakil Pekerja